

10/07/2003

Multaqa kupas permasalahan umat Islam

Mohd Azlan Jaafar

PADA Syawal tahun kelima Hijrah, masyarakat Yahudi menghasut kafir Quraisy

supaya bermusuh dengan umat Islam di Madinah. Maka, terjadilah perang Khandak antara umat Islam dan kafir. Ketika itu, Nabi Muhammad saw menggunakan taktik bertahan dengan menggali parit di sekeliling kota Madinah dalam keadaan mereka diserang dan dikepung.

Musuh Islam akhirnya berundur dari kota Madinah dan umat Islam mendapat kemenangan gemilang.

Taktik yang digunakan Rasullullah menunjukkan beliau bukan saja ketua perang yang bijak tetapi menunjukkan kekuatan umat ketika itu dalam ilmu peperangan. Ilmu yang menjadi kebanggaan umat Islam satu masa dulu. Kini 'bacalah' hanya tertumpu kepada ilmu teologi.

Kekalahan Iraq pada tentera penakluk dua bulan lalu membuktikan kelemahan umat Islam dalam mempertahankan diri.

"Kejatuhan Iraq dan keadaan yang melanda umat Islam kini adalah kerana jiwa penganutnya lemah. Perancangan yang lemah sehingga Islam mudah ditawan,"kata Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, kekalahan Iraq bukan hanya tewasnya sebuah negara Islam tetapi kekalahan kepada ummah.

"Persoalannya bolehkah kita (umat Islam) membangunkan semula?" katanya.

Dengan semua kekayaan yang ada di sebahagian besar negara Islam, kegemilangan masa lalu tidak lebih daripada hanya sejarah silam yang menjadi rujukan bagi mengingatkan umatnya mengenai kekuatan masa lalu.

Sejarah Islam membuktikan penganutnya mencapai kegemilangan berikutan ilmu yang mereka miliki. Kejayaan dicapai tidak henti. Bidang sains dan matematik sungguh 'hampir' di hati penganut Islam. Tamadun barat hanya dapat memandang dengan rasa cemburu.

Bagaimanapun, masa selain masyarakat barat bukan saja berjaya mengejar umat Islam tetapi dengan mudah meruntuhkan kegemilangan Islam kepada hanya

'sejarah silam'. Hari ini keadaan lebih buruk. Sejak kejadian 11 September

dan kemudian penaklukan Iraq, Islam lebih popular sebagai 'militan Islam'

dan keganasan. Islam dilihat membawa kemusnahan kepada dunia daripada menjadi cahaya kepada kehidupan lebih baik di dunia dan akhirat.

"Negara Islam kaya dengan sumber asli dan mempunyai tanah cukup subur tetapi kenapa pengangguran banyak di negara Islam.

"Kekuatan Islam bergantung kepada kekuatan umatnya dan penguasaan dalam dua perkara pokok iaitu akidah dan pencapaian ekonomi dan teknologi," katanya.

"Ketika ini, kita lebih menumpukan kepada akidah. Umat Islam kaya tapi

penyelidikan tiada," katanya.

Kejatuhan Islam itu diburukkan dengan kehadiran pelbagai tafsiran mengenai agama itu sendiri. Kewujudan pelbagai mazhab membawa interpretasi tersendiri mengenai Islam, al-Quran, cara hidup, keperluan dan tuntutan.

Kebanyakan tafsiran ini dibuat atas dorongan kemahuan dan kepentingan politik atau individu. Kepada segelintir ulama, ayat Iqra itu hanya tertumpu kepada mempelajari al-Quran dan Hadith manakala pembangunan dan kekuatan ekonomi dianggap bukan Islamik.

Barat berjaya memaksa pemikiran yang songsang terhadap penganut Islam selepas mengkaji agama dan masyarakat Islam.

"Derailment ajaran Islam oleh masyarakat Barat menyebabkan keadaan malap sekarang. Tindakan ulama tertentu juga derailed (menyimpang) ajaran dan tuntutan agama. Kita buat pembangunan di Malaysia...tapi ia dikatakan bukan agama. Dalam al-Quran ini adalah agama," katanya.

"Orang yang soleh adalah mereka yang menceria muka bumi. Mereka ini termasuk jurutera yang menjaga bekalan air dan elektrik. Tetapi golongan ini tidak dianggap golongan yang soleh. Hanya ulama teologi adalah orang soleh," katanya yang menyalahkan tafsiran salah mengenai Islam punca kepada keadaan semasa umat Islam di dunia.

"Islam menekankan kepada mengukuhkan kekuatan tetapi ini tidak diambil sebagai perkara penting dalam ajaran," katanya.

Tafsiran mengenai Islam serta pandangan ulama menjadi nadi kepada perkembangan Islam. Dalam banyak aspek selepas kewafatan Rasullulah, ulama menjadi penentu kepada hala tuju Islam dan umatnya.

Mereka menjadi penasihat kepada pemerintah. Bagaimanapun 'ulama teologi' dan tafsiran mereka dibuat berdasarkan tulisan dan pandangan ahli fikir lampau yang mana konsep seperti keperluan 'Nation State' tidak diambil kira.

"Cara memerintah masa itu tidak berkaitan ekonomi atau persempadanan. Apa yang menjadi tumpuan adalah akidah.

"Untuk mentadbir sesebuah negara, kita perlu mengambil kira keadaan 'nation state' dan memahami bahawa kekuatan ummah penting jika kita mahu mentadbir kekayaan dan sumber yang ada," katanya.

Beliau berkata, ahli pemikir dan cerdik pandai Islam yang juga 'ulama' dalam bidang ekonomi, teknologi dan sains harus dibenarkan menyuarakan pandangan mereka dalam menentukan hala tuju ummah.

"Islam kini diajar tidak relevan kepada kehidupan. Islam harus diajar untuk relevan kepada kehidupan. Ulama pelbagai bidang harus membetulkan keadaan ini dan menjadi think-tank kepada masa depan Islam," katanya.

Multaqa Ulama Sedunia yang bermula hari ini, kata Abdul Hamid adalah perjumpaan yang menemukan tokoh-tokoh besar dan pemikir Islam adalah permulaan dalam merangka pelan masa depan Islam yang lebih kukuh.

Katanya, multaqa ini diharap menjadi benih yang akan melahirkan kumpulan pemikir Islam yang benar-benar berkesan dan Malaysia sedia menjadi tuan rumah kepada pemikir terbabit.

"Kita mesti tubuh sekretariat untuk buat penyelidikan dan cerdik pandai Islam harus dibenarkan duduk dan membincangkan bagaimana jalam umat Islam

boleh membangunkan diri mereka," katanya.

Multaqa yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah permulaan. Masalah yang menghantui umat Islam tidak akan hilang

dalam sekelip mata atau tempoh terdekat. Bagaimanapun, ini adalah permulaan. Masyarakat Yahudi dengan jumlah kira-kira tujuh juta orang dan

beberapa juta di Israel serta Eropah mengambil masa 50 tahun untuk menguasai bidang ekonomi dan politik dunia.

Umat Islam mungkin tidak mempunyai 50 tahun kerana jika keadaan semasa berterusan, agama ini tidak akan menjadi lebih daripada agama yang paling ramai penganut di bumi ini.